

Bonus: Kerajaan sedia timbang

© B4 30/4/93
Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan sedia menimbang untuk membayar bonus kepada lebih 800,000 anggota perkhidmatan awam bagi 1991 dan 1992 jika Cuepacs dapat memberi alasan munasabah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun kerajaan sebelum ini sudah membuat keputusan tidak dapat memenuhi permohonan Cuepacs bagi tujuan pembayaran bonus itu, tetapi ia tidak bermakna perbincangan sudah tertutup.

"Dalam apa juga perkara, kita tidak boleh tutup langsung fikiran. Kita kena dengar (rayuan), tetapi dalam masa yang sama diharap Cuepacs sanggup mempunyai fikiran terbuka terhadap sebarang keputusan kerajaan.

"Kalau dapat membuktikan alasan munasabah dan wajar, kita akan timbang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang Kementerian Dalam Negeri 1992 di sini, petang ini.

Seramai 41 pegawai dan kakitangan di bawah kementerian itu menerima anugerah masing-masing.

Pada 14 April lalu, Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Mahmud Taib, berkata permohonan Cuepacs bagi mendapatkan pembayaran bonus kepada kakitangan kerajaan tidak dapat dipenuhi kerana kerajaan membelanjakan RM2.9 bilion sejak dua tahun lalu untuk melaksanakan Sistem Saraan Baru (SSB).

Daripada jumlah itu, RM1.7 bilion dibelanjakan untuk menguatkuasakan SSB manakala RM1.2 bilion lagi untuk bayaran tunggakan.

Dr Mahathir berkata, pembayaran bonus memang wajar diberi kerana kerajaan sendiri sebelum ini berjanji berbuat demikian.

"Jika kerajaan membayar bonus, sudah tentu kita kena belanja banyak. Kalau ada tambahan pendapatan kerajaan, kita bukan saja menggunakannya untuk membayar bonus, tetapi digunakan untuk belanja pembangunan yang meningkat dengan begitu pesat.

"Inilah yang perlu kita beri pertimbangan. Kalau ada lebih (kewangan negara), kita tidak akan segan membayar bonus itu," katanya.

Ditanya mengenai surat yang dihantar Cuepacs berhubung rayuan mereka, Perdana Menteri berkata, setakat ini tiada yang diterimanya.

Mengenai hasrat Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk menemu Perdana Menteri bagi menjelaskan perkara terkandung dalam laporan tahunannya bagi 1991/1992, Dr Mahathir berkata:

"Kalau dia nak memberi penjelasan kepada saya dan dia nak saya dengar dia, saya juga nak supaya dia mendengar apa yang saya kata".

Mengenai SSB yang dilaksanakan mulai 1 Januari 1991, Dr Mahathir berkata, sudah ada tanda-tanda keberkesanan sistem itu walaupun ketika ini masih awal untuk membuat penilaian.